

Pk. P.U. 63.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH CAJ PEMAJUAN
NEGERI PERAK 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], Pihak Berkuasa Negeri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Perak 2013** dan hendaklah diterima pakai bagi semua kawasan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dalam Negeri Perak.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172];

“caj pemajuan” ertinya caj yang dilevi seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 32 Akta; dan

“ketumpatan” ertinya kepadatan atau densiti pembangunan seperti mana yang ditetapkan oleh rancangan tempatan.

Caj pemajuan

3. (1) Caj pemajuan boleh dikenakan oleh pihak berkuasa perancang tempatan ke atas mana-mana permohonan pemajuan yang tertakluk di bawah subseksyen 32(1) Akta.

(2) Bagi pelaksanaan subkaedah (1), pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah memastikan suatu rancangan tempatan bagi kawasannya telah diwartakan dan mengandungi maklumat cadangan penggunaan tanah, ketumpatan atau nisbah plot.

Penentuan caj pemajuan

4. (1) Dalam menentukan amaun caj pemajuan yang hendak dibayar, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah merujuk kadar yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menetapkan amaun caj pemajuan dan memaklumkan kepada pemohon melalui penyampaian suatu notis caj pemajuan seperti Borang A Jadual Kedua.

Pengecualian caj pemajuan

5. Menurut subseksyen 32(3) Akta, Pihak Berkuasa Negeri boleh mengecualikan caj pemajuan bagi mana-mana tujuan pemajuan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Pemberian kebenaran merancang

6. Menurut perenggan 22(4)(b) Akta, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan tidak boleh memberi kebenaran merancang sebelum caj pemajuan dibayar atau sebelum mendapat kebenaran pihak berkuasa perancang tempatan untuk membayar caj pemajuan secara ansuran.

Pembayaran caj pemajuan

7. (1) Pemohon hendaklah membayar caj pemajuan secara sekali gus atau memohon kepada pihak berkuasa perancang tempatan untuk pembayaran secara ansuran melalui Borang B Jadual Kedua.

(2) Suatu permohonan untuk membayar caj pemajuan secara ansuran hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa perancang tempatan sebelum tempoh pembayaran yang ditetapkan dalam notis caj pemajuan luput.

(3) Setelah menimbang permohonan secara ansuran, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah mengeluarkan suatu pemakluman kebenaran membayar caj pemajuan secara ansuran berserta bunga seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 34(1) Akta melalui Borang C Jadual Kedua, atau penolakan membayar caj pemajuan secara ansuran melalui Borang D Jadual Kedua.

(4) Sekiranya Pihak Berkuasa Perancang Tempatan tidak menerima bayaran ansuran dalam tempoh yang ditetapkan, suatu notis pemakluman keingkaran pembayaran secara ansuran hendaklah disampaikan kepada pemohon melalui Borang E Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA
KAEDAH-KAEDAH CAJ PEMAJUAN
NEGERI PERAK 2013

KADAR CAJ PEMAJUAN

[subkaedah 4(1)]

Mengikut

Subseksyen 32(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

1. Perubahan Penggunaan Tanah

a) Kadarnya adalah :

$25\% \times$ kenaikan nilai tanah

b) Contoh pengiraan:

Perubahan penggunaan tanah dengan adanya rancangan tempatan

a. Nilai tanah berdasarkan penggunaan dalam hakmilik	RM w
b. Nilai tanah berdasarkan cadangan pemajuan di dalam Rancangan Tempatan (RT)	RM x
c. Kenaikan nilai tanah	$RM\ x - RM\ w = RM\ y$
d. Amaun caj pemajuan yang perlu dibayar	$25\% \times RM\ y = RM\ z$
i. Secara Sekaligus	RM z
ii. Secara Ansuran	RM z + bunga*

Nota : * Mengikut kadar seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 34(1) Akta.

2. Perubahan Ketumpatan

a) Kadarnya adalah :

$25\% \times$ kenaikan nilai tanah

b) Contoh pengiraan:

Perubahan ketumpatan dengan adanya pengubahan rancangan tempatan

a. Nilai tanah berdasarkan ketumpatan cadangan pemajuan yang dibenarkan dalam Rancangan Tempatan (RT) terdahulu	RM w
b. Nilai tanah berdasarkan ketumpatan cadangan pemajuan yang dibenarkan dalam Rancangan Tempatan (RT) baru	RM x

c. Kenaikan nilai tanah	$RM\ x - RM\ w = RM\ y$
d. Amaun caj pemajuan yang perlu dibayar	$25\ \% \times RM\ y = RM\ z$
i. Secara Sekaligus	RM z
ii. Secara Ansuran	RM z + bunga*

Nota : * Mengikut kadar seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 34(1) Akta.

3. Perubahan Luas Lantai

a) Kadarnya adalah :

$$25\% \times \text{kenaikan nilai tanah}$$

b) Contoh pengiraan:

Perubahan luas lantai dengan adanya pengubahan rancangan tempatan

a. Nilai tanah berdasarkan luas lantai cadangan pemajuan yang dibenarkan dalam Rancangan Tempatan (RT) terdahulu	RM w
b. Nilai tanah berdasarkan luas lantai cadangan pemajuan yang dibenarkan dalam Rancangan Tempatan (RT) baru	RM x
c. Kenaikan nilai tanah	$RM\ x - RM\ w = RM\ y$
d. Amaun caj pemajuan yang perlu dibayar	$25\ \% \times RM\ y = RM\ z$
i. Secara Sekaligus	RM z
ii. Secara Ansuran	RM z + bunga*

Nota : * Mengikut kadar seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 34(1) Akta.

JADUAL KEDUA
KAEDAH-KAEDAH CAJ PEMAJUAN
NEGERI PERAK 2013

BORANG A

NOTIS CAJ PEMAJUAN

[subkaedah 4(2)]

Mengikut
Subseksyen 33(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

No. Rujukan.....

Kepada

.....
.....
.....

(*Pemohonan Kebenaran Merancang*)

AMBIL PERHATIAN bahawa
(*Pihak Berkuasa Perancang Tempatan*)

telah menentukan permohonan kebenaran merancang tuan, bernombor
rujukan bagi pemajuan di atas lot

*Mukim/Bandar..... Daerah.....
hendaklah dibayar caj pemajuan selaras dengan peruntukan seksyen 32 Akta.

Caj pemajuan dilevi atas kenaikan nilai tanah disebabkan perubahan
*penggunaan tanah / ketumpatan / luas lantai dalam Rancangan Tempatan
..... Pihak berkuasa
perancang tempatan dengan ini, menetapkan amaun caj pemajuan yang hendaklah
dibayar berkenaan pemajuan ini adalah RM

Tuan dengan ini dikehendaki membayar caj pemajuan yang telah ditetapkan
kepada dalam tempoh
(*Pihak Berkuasa Perancang Tempatan*)

..... bulan dari tarikh notis ini disampaikan.

AMBIL PERHATIAN, jika caj pemajuan gagal dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, pihak berkuasa perancang tempatan tidak boleh memberi kebenaran merancang mengikut peruntukan perenggan 22(4)(b) Akta.

Tarikh :.....

METERAI :

(Nama dan Tandatangan Pegawai Berkuasa)

** Potong mana yang tidak berkenaan*

Nota:

1. Di bawah peruntukan subseksyen 34(1) Akta, tuan boleh mengemukakan permohonan pembayaran secara ansuran kepada pihak berkuasa perancang tempatan.
2. Permohonan pembayaran ansuran hendaklah dibuat sebelum tempoh pembayaran yang ditetapkan luput.

JADUAL KEDUA
KAEDAH-KAEDAH CAJ PEMAJUAN
NEGERI PERAK 2013

BORANG B

PERMOHONAN PEMBAYARAN
CAJ PEMAJUAN SECARA ANSURAN

[subkaedah 7(1)]

Mengikut
Subseksyen 34(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

No. Rujukan.....

Kepada

.....
.....
.....

(Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

*Saya/Kami.....
(Pemohon Kebenaran Merancang)

beralamat

*No. KP/No. Pendaftaran syarikat dengan ini memohon
untuk membayar caj pemaajuan secara ansuran bagi permohonan kebenaran
merancang bernombor rujukan yang berkenaan dengan
pemaajuan yang dicadangkan di atas lot

*Mukim/Bandar, Daerah

*Saya/Kami mengemukakan permohonan ini atas sebab-sebab

.....
.....
.....

Tarikh :

.....
(Tandatangan pemohon)

** Potong mana yang tidak berkenaan*

Nota:

Permohonan pembayaran secara ansuran hendaklah dibuat sebelum tempoh pembayaran yang ditetapkan luput seperti yang dinyatakan dalam Borang A Jadual Kedua.

JADUAL KEDUA

KAEDAH-KAEDAH CAJ PEMAJUAN
NEGERI PERAK 2013

BORANG C

KEBENARAN MEMBAYAR
CAJ PEMAJUAN SECARA ANSURAN

[subkaedah 7(3)]

Mengikut
Subseksyen 34(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

No. Rujukan.....

Kepada

.....

.....

.....

(Pemohon Kebenaran Merancang)

....., setelah menimbang

*(Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)*permohonan tuan, dengan ini memberi kebenaran untuk pembayaran caj pema-
juan secara ansuran beserta bunga% setahun kepada bagi maksud pema-
juan*(Pemohon)*

.....

Pembayaran secara ansuran berjumlah RM..... hendaklah dibuat
seperti berikut:

Ansuran	Bayaran (RM)	Tarikh/Tempoh
Ansuran pertama
Ansuran kedua
Ansuran.....
Ansuran.....

Bayaran caj pema-
juan secara ansuran hendaklah dibayar kepada
..... Dalam tempoh yang ditetapkan.*(Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)*

Tarikh :

.....
(Nama dan Tandatangan Pegawai Berkuasa)

JADUAL KEDUA
KAEDAH-KAEDAH CAJ PEMAJUAN
NEGERI PERAK 2013

BORANG D

PENOLAKAN MEMBAYAR
CAJ PEMAJUAN SECARA ANSURAN

[subkaedah 7(3)]

Mengikut
Subseksyen 34(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

No. Rujukan.....

Kepada

.....
.....
.....

(Pemohon Kebenaran Merancang)

....., setelah menimbang permohonan tuan,
(Pemohon Kebenaran Merancang)

dengan ini menolak permohonan untuk pembayaran caj pemaajuan secara ansuran
bagi maksud pemaajuan

Berdasarkan keputusan ini, tuan dikehendaki membayar secara sekali gus caj
pemaajuan berjumlah RM
kepada..... dalam

(Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

tempoh bulan dari tarikh borang ini disampaikan.

AMBIL PERHATIAN, jika caj pemaajuan gagal dibayar dalam tempoh yang
ditetapkan, pihak berkuasa perancang tempatan tidak boleh memberi kebenaran
merancang mengikut peruntukan perenggan 22(4)(b) Akta.

Tarikh :

.....
(Nama dan Tandatangan Pegawai Berkuasa)

JADUAL KEDUA

KAEDAH-KAEDAH CAJ PEMAJUAN
NEGERI PERAK 2013

BORANG E

NOTIS PEMAKLUMAN KEINGKARAN
PEMBAYARAN ANSURAN CAJ PEMAJUAN

[subkaedah 7(4)]

Mengikut

Subseksyen 34(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

No. Rujukan.....

Kepada

.....
.....
.....*(Pemohon Kebenaran Merancang)*

BAHAWASANYA melalui pemakluman bernombor rujukan,

*(Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)*menghendaki tuan membayar ansuran caj pemajuan *pertama / kedua /
..... mengikut tempoh yang ditetapkan, namun tuan telah gagal
untuk membayar ansuran caj pemajuan tersebut.

DAN BAHAWASANYA atas budi bicara,

(Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

tuan dibenarkan menjelaskan ansuran caj pemajuan tersebut seperti berikut:

Ansuran	Bayaran (RM)	Tarikh/Tempoh
Ansuran.....
Ansuran.....

Dengan ini, tempoh bayaran ansuran yang ditetapkan dalam pemakluman
bernombor rujukan adalah terbatal.

AMBIL PERHATIAN, menurut subseksyen 34(3) Akta, kegagalan tuan menjelaskan bayaran ansuran tersebut mengikut tempoh yang ditetapkan dalam pemakluman ini akan menyebabkan kesemua baki caj pemajuan menjadi genap masa dan kena dibayar sebelum tarikh dan boleh dituntut dengan cara seperti mana kadar yang dituntut di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan kerajaan tempatan.

Tarikh :

Meterai.....

(Nama dan Tandatangan Pegawai Berkuasa)

*Potong mana yang tidak berkenaan

JADUAL KETIGA
KAEDAH-KAEDAH CAJ PEMAJUAN
NEGERI PERAK 2013
PENGECUALIAN CAJ PEMAJUAN

[kaedah 5]

Mengikut
Subseksyen 32(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Pembangunan yang dikecualikan daripada caj pemajuan adalah seperti berikut:

1. Pembangunan yang dijalankan untuk badan-badan kebajikan oleh agensi kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar;
2. Badan kebajikan dan lain-lain pertubuhan yang diiktiraf oleh kerajaan;
3. Bangunan kerajaan;
4. Bangunan gerai dan warung makan awam;
5. Projek keagamaan awam; dan
6. Lain-lain yang dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Dibuat 20 November 2013
[JPBD.Pk.8/AKTA/1008.(31).PU.Pk.44/80(vi)]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

TOWN AND PLANNING ACT 1976

DEVELOPMENT CHARGE
STATE OF PERAK RULES 2013

IN exercise of the powers conferred by section 35 of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172], the State Authority makes the following rules:

Citation, application and commencement

1. (1) These Rules may be cited as the **Development Charge State of Perak Rules 2013** and shall be applicable to all Local Planning Authority areas within the State of Perak.

(2) These Rules come into operation on the 1 January 2014.

Interpretation

2. In these Rules, unless the context otherwise requires-

“Act” means the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172];

“density” means density of development as prescribed by the local plan; and

“development charge” means the charge levied as provided under section 32 of the Act.

Development charge

3. (1) The development charge may be imposed by the local planning authority on any application for development falling under subsection 32(1) of the Act.

(2) For the purposes of implementation of subrule (1), the local planning authority shall ensure that a local plan for the area is gazetted and contains information on the proposed land use, density or plot ratio.

Determination of development charge

4. (1) In determining the quantum of development charge payable, the local planning authority shall refer to the rates specified in the First Schedule.

(2) The local planning authority shall determine the quantum of development charge and notify the applicant of same by serving a notice in Form A of the Second Schedule.

Exemption of development charge

5. Pursuant to subsection 32(3) of the Act, the State Authority may exempt development charge for any development purposes as specified in the Third Schedule.

Granting of planning permission

6. Pursuant to paragraph 22 (4)(b) of the Act, a local planning authority may not grant planning permission before the development charge is paid or prior permission has been obtained from the local planning authority for its payment by instalments.

Settlement of development charge

7. (1) The applicant shall pay the development charge in one lump sum or apply to the local planning authority in Form B of the Second Schedule for payment by instalments.

(2) An application to pay development charge by instalments shall be submitted to the local planning authority before the expiry date for payment specified in the notice of development charge.

(3) Upon considering an application for payment by instalments the local planning authority shall issue a notification of consent for payment of development charge by instalments with interest as provided under subsection 34(1) of the Act in Form C of the Second Schedule, or reject the payment of development charge by instalments in Form D of the Second Schedule.

(4) If the local planning authority does not receive the instalment payment within the stipulated period a notice of default of payment of instalment in Form E of the Second Schedule shall be served on the applicant.

FIRST SCHEDULE
DEVELOPMENT CHARGE
STATE OF PERAK RULES 2013
DEVELOPMENT CHARGE RATE

[subrule 4 (1)]

Pursuant to
Subsection 32(2) of the Town and Country Planning Act 1976

1. Changes to Land Use

a) The rate is:

$25\% \times$ increase in land value

b) Example of calculation:

Changes to land use with local planning

a) Value based on the use of land in title	RM w
b) Value of land based on the proposed development as in Local Plan	RM x
c) Increase in land value	$RM\ x - RM\ w = RM\ y$
d) Development charge amount payable	$25\% \times RM\ y = RM\ z$
i. In one lump sum	RM z
ii. In instalments	RM z + interest*

Note: * Based on rate provided under subsection 34(1) of the Act.

2. Change in Density

a) The rate is:

$25\% \times$ increase in land value

b) Example of calculation:

Change in density with variation of local plan

a) Value of land based on density of proposed development granted for previous Local Plan	RM w
b) Value of land based on density of proposed development granted in new Local Plan	RM x
c) Increase in land value	$RM\ x - RM\ w = RM\ y$
d) Development charge amount payable	$25\% \times RM\ y = RM\ z$
i. In one lump sum	RM z
ii. In instalments	RM z + interest*

Note: * Based on rate provided under subsection 34(1) of the Act.

3. Change in Floor Area

a) The rate is:

25% x increase in land value

b) Example of calculation:

Change in floor area with variation of local plan

a) Value of land based on floor area in proposed development granted for previous Local Plan	RM w
b) Value of land based on floor area in proposed development granted for new Local Plan	RM x
c) Increase in land value	$RM\ x - RM\ w = RM\ y$
d) Development charge amount payable	$25\% \times RM\ y = RM\ z$
i. In one lump sum	RM z
ii. In instalments	RM z + interest*

Note: * Based on rate provided under subsection 34(1) of the Act.

SECOND SCHEDULE

DEVELOPMENT CHARGE
STATE OF PERAK RULES 2013

FORM A

NOTICE OF DEVELOPMENT CHARGE

[subrule 4 (2)]

Pursuant to
Subsection 33(1) of the Town and Country Planning Act 1976

Reference No.:.....

To,
.....
.....
.....
(Applicant of Planning Permission)

TAKE NOTICE that
(Local Planning Authority)

has determined the development charge in respect of your application for planning permission reference number for development..... on lot....., * Mukim / Town ofDistrict of..... under the provisions of section 32 of the Act.

Development charge is levied on the increase in land value due to change in * land use / density / floor area in the Local Plan..... The Local Planning Authority hereby determines that development charge payable in respect of this development is RM.....

You are hereby required to pay the development charge determined to
(Local Planning Authority)

within a period ofmonths from the date of service of this notice.

TAKE NOTICE, in the event of your failure to pay development charge within the prescribed period, the local planning authority shall not grant planning permission under the provisions of paragraph 22(4)(b) of the Act.

Date:.....

SEAL.....

(Name and Signature of Authorized Officer)

* Delete whichever is not applicable.

Note:

1. Under the provisions of subsection 34 (1) of the Act, you may submit your application for payment by instalments to the local planning authority.
2. Application for payment by instalments shall be made before the expiry of the period stipulated for payment.

SECOND SCHEDULE

DEVELOPMENT CHARGE
STATE OF PERAK RULES 2013

FORM B

APPLICATION TO PAY DEVELOPMENT CHARGE
BY INSTALMENTS

[subrule 7 (1)]

Pursuant to
Subsection 34(1) of the Town and Country Planning Act 1976

Reference No.:.....

To,

.....
.....
.....

(Local Planning Authority)

*I/We,.....

(Applicant of Planning Permission)

of

NRIC No./Company Registration No.....do hereby apply to settle
by instalments the development charge in respect of the application for planning
permission reference numberin relation to the proposed development on
lot..... * Mukim / Town of District of.....

* I / We make this application on the following grounds:

.....
.....
.....

Date:.....

.....

(Signature of Applicant)

* Delete whichever is not applicable.

Note:

Application for payment by instalments is to be made before the expiry of the prescribed payment period as set out in Form A of the Second Schedule.

SECOND SCHEDULE
DEVELOPMENT CHARGE
STATE OF PERAK RULES 2013

FORM C

CONSENT TO SETTLEMENT OF DEVELOPMENT CHARGE
BY INSTALMENTS

[subrule 7 (3)]

Pursuant to
Subsection 34(1) of the Town and Country Planning Act 1976

Reference No.:.....

To,

.....
.....
.....

(Applicant of Planning Permission)

....., having considered
(Local Planning Authority)

your application hereby grants permission to.....to settle
(Applicant)

the development charge of the proposed development of by
way of instalments together with interest at% per annum.

The instalments ofshall be payable as follows:

Instalment	Payment (RM)	Date/Period
First instalment
Second instalment
..... instalment
..... instalment

Settlement of development charge by way of instalment shall be made to
..... within the prescribed period.

(Local Planning Authority)

Date:.....

.....
(Name and Signature of Authorized Officer)

SECOND SCHEDULE

DEVELOPMENT CHARGE
STATE OF PERAK RULES 2013

FORM D

REFUSAL OF APPLICATION TO PAY
DEVELOPMENT CHARGE
BY INSTALMENTS

[subrule 7 (3)]

Pursuant to
Subsection 34(1) of the Town and Country Planning Act 1976

Reference No.:.....

To,
.....
.....
.....
(Applicant of Planning Permission)

.....does hereby refuse your application
(Local Planning Authority)

to settle the development charge in respect of the proposed development of
..... by way of instalments.

In view of this decision you are required to pay the development
charge amounting to RM..... in one lump sum to
..... within.....
(Local Planning Authority)

months from the date of service of this form on you.

TAKE NOTICE in the event you fail to settle the development charge within
the prescribed period the local planning authority shall not grant planning permission
under the provisions of paragraph 22(4)(b) of the Act.

Date:.....
.....
(Name and Signature of Authorized Officer)

SECOND SCHEDULE
 DEVELOPMENT CHARGE
 STATE OF PERAK RULES 2013
 FORM E
 NOTICE OF DEFAULT OF PAYMENT
 OF DEVELOPMENT CHARGE INSTALMENT

[subrule 7 (4)]

Pursuant to
 Subsection 34(1) of the Town and Country Planning Act 1976

Reference No.:.....

To,

.....

(Applicant of Planning Permission)

WHEREAS by notification reference,
(The Local Planning Authority)

required you to pay the *first / second / instalment of the
 development charge within the prescribed period, but you have failed to pay same.

AND WHEREAS at the discretion of
(The Local Planning Authority)

you are allowed to pay the development charge instalments as follows:

Instalment	Payment (RM)	Date/Period
..... instalment		
..... instalment		

The instalment payment period specified in notification reference is
 hereby revoked.

TAKE NOTICE that pursuant to subsection 34(3) of the Act, your failure to pay the instalments within the period specified in this notification shall result in all outstanding development charges to become due and payable before and payment thereof may

(Date)

be demanded in a manner applicable to claims under any written law relating to local governments.

Date:

.....
(Name and Signature of Authorized Officer)

** Delete whichever is not applicable.*

THIRD SCHEDULE
DEVELOPMENT CHARGE
STATE OF PERAK RULES 2013
EXEMPTION FROM DEVELOPMENT CHARGE

[rule 5]

Pursuant to
Subsection 32(3) of the Town and Country Planning Act 1976

Developments which are exempted from development charge are as follows:

1. Developments for charitable purposes by government agencies or registered nongovernmental organisations (NGO);
2. Charitable organisations and other organisations recognised by the government;
3. Government buildings;
4. Public food courts and public food stalls;
5. Public religious projects; and
6. Others as may be approved by the State Authority.

Made 20 November 2013
[JPBD.Pk.8/AKTA/1008(31).PU.Pk.44/80(vi)]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA